

Dr. Mahathir ramal Abdullah meraih kemenangan besar

PUTRAJAYA 18 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad meramalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membawa Barisan Nasional (BN) meraih kemenangan besar dalam pilihan raya umum ke-11 ahad ini.

Dalam satu wawancara dengan *AFP*, bekas Perdana Menteri itu berkata, pertumbuhan ekonomi yang mantap, keharmonian kaum dan kempen memerangi rasuah yang dilancarkan oleh Abdullah

merupakan antara faktor yang akan menjana kemenangan besar itu.

"Beliau (Abdullah) telah melakukan tugas cemerlang. Saya agak pasti, beliau akan menang dengan undi yang lebih besar berbanding pada 1999," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, beliau percaya ramai orang Melayu akan kembali semula ke pangkuan UMNO dalam pilihan raya ini.

Ini kerana kemarahan orang ramai terhadap pemecatan dan langkah memjarakan Datuk Seri

Anwar Ibrahim telah reda, katanya.

Mengenai Terengganu, Dr. Mahathir meramalkan peluang '50-50' bagi BN untuk menawan semula negeri itu berikutan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat negeri itu terhadap pemerintahan Pas.

Beliau seterusnya mengetepikan hasrat Pas untuk menawan Kedah dengan menyatakan ia bukan sesuatu yang mudah